



PERCUMA 7 - 14 Februari 2014, 7 - 14 Rabiulakhir 1435



MBPJ bantu ibu tunggal dan miskin raih pendapatan

muka 4

MB: Kelab bola sepak Selangor jejak langkah kelab Liga Inggeris

muka 3

KENALI ADUN ANDA SAARI SUNGIB N18 Hulu Kelang

muka 6&7



KERJASAMA...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menerima kunjungan hormat Duta Austria, Christophe Ceska di pejabatnya bagi membincangkan lokasi pelaburan menarik di Selangor bagi syarikat-syarikat Austria



Elak kesilapan penswastaan kerajaan BN

Selangor rekrut pakar air

SHAH ALAM - Pakar antarabangsa akan membantu persediaan mengambil alih aset pengurusan industri air di Selangor, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau merekrut mereka ketika proses rundingan penstrukturan air berlangsung yang memakan masa beberapa tahun.

Katanya, ia membolehkan Kerajaan Negeri memiliki kemampuan dan perancangan rapi untuk menawarkan perkhidmatan air berkesan, malah memberi nilai tambah kepada rakyat.

"Saya telah merekrut pakar air antarabangsa untuk usaha-

Kepakaran mereka perlu supaya Selangor tidak mengulangi kesilapan pimpinan terdahulu yang menswastakan perkhidmatan air negeri. Penswastaan, katanya, menyebabkan rakyat berdepan tarif air yang tidak setimpal dengan kualiti perkhidmatan berikutan operator konsesi air tidak cekap

ABDUL KHALID Menteri Besar

kan persediaan mengambil alih industri air dan menyediakan program operasi yang berkesan," katanya

Beliau berkata demikian pada wawancara bersama media.

Abdul Khalid berkata, kepakaran mereka perlu supaya Selangor tidak mengulangi kesilapan pimpinan terdahulu yang menswastakan perkhidmatan air negeri.

Penswastaan, katanya, menyebabkan rakyat berdepan tarif air yang tidak setimpal dengan kualiti perkhidmatan berikutan operator konsesi air tidak cekap.

"Sepatutnya kita amanahkan industri air kepada pihak yang terbukti ada pengalaman luas

menguruskan industri air.

"Sebaliknya kita (kerajaan Selangor ketika BN memerintah) agihkan kepada amatur dan menyebabkan kita (rakyat) menanggung kerugian," katanya.

Beliau berkata, kesilapan itu kemudian mendorong penggabungan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA) bagi membetulkan keadaan dengan memulangkan semula kuasa kepada Kerajaan Negeri.

Mengulas keritikan terhadap pendekatan Kerajaan Negeri mengendalikan isu air, Abdul Khalid berkata, keputusan yang diragui sebelum ini, terbukti betul.

"Saya mengkaji isu dengan mendalam dan sepenuhnya berulang kali. Dan, saya yakin dengan keputusan yang saya ambil. Melihat semula keputusan yang dibuat, terbukti saya betul," katanya.

Bagi memastikan hak air rakyat Selangor tidak lagi diganggu gugat pada masa depan, Abdul Khalid berkata Kerajaan Negeri juga mengambil langkah terkecuali.

Antaranya, beliau mengarah pembinaan projek 'Hybrid Off River Augmentation System' (Horas) supaya penggunaan air Lembah Klang dan Putrajaya tidak terlalu bergantung kepada Projek Loji Air Langat 2.

Temu bual bersama Menteri Besar

Cerita sebenar di sebalik isu air

Pergelutan untuk menstruktur semula industri air di Selangor berlarutan lama. Apa cerita sebenar di sebalik kemelut ini?

Isunya adalah wang ringgit. Selangor menawarkan RM9.65 bilion kepada 4 operator konsesi terbabit, tetapi pihak konsesi merasakan mereka patut dibayar lebih daripada itu... antara tambahan daripada RM1 bilion sehingga RM4 bilion.

Tetapi saya mewakili rakyat Selangor. Seandainya saya bayar lebih satu ringgit sekalipun, saya sebenarnya menggunakan duit rakyat. Bagi Selangor, tawaran RM9.65 bilion itu adalah nilai tawaran yang munasabah: Operator tak rugi, tiada liabiliti, malah ada untung, dan dengan untung itu mereka boleh pergi melabur ke bidang lain.

Sekiranya konsesi rasa tidak berpuas hati dengan perkembangan setakat ini, mereka boleh ambil tindakan undang-undang terhadap Selangor.

Hakikatnya adalah kita menurut semangat Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA) 2006 sepenuhnya. Saya tidak boleh kembali kepada rakyat untuk mendapatkan referendum mengenai isu ini kerana Akta WSIA telah diluluskan (nota: Akta WSIA berkuatkuasa 1 Januari 2008).

Industri air Selangor dikatakan lemah daripada pelbagai segi. Melalui penstrukturkan ini, bagaimana saudara mahu mengubah industri air Selangor?

Pertama sekali kesilapan kita adalah pada peringkat penswastan lagi: Kita serahkan industri ini kepada operator yang tidak cekap. Sepatutnya kita amanahkan industri air kepada pihak yang terbukti mempunyai pengalaman yang sangat luas menguruskan industri air. Sebaliknya kita agihkan kepada amatur, dan menyebabkan kita menanggung kerugian.

Atas kesedaran itu, Akta WSIA dibuat bagi membetulkan keadaan. Melalui penstrukturkan itu, ia akan dipulangkan semula kepada Kerajaan Ne-

geri, dan diberi tempoh masa yang sesuai sehingga industri air dapat dipulihkan.

Tetapi, apa yang saya usahakan melangkaui matlamat itu. Dalam tahun-tahun yang kita cuba selesaikan isu ini, saya merekrut pakar-pakar air antarabangsa untuk usahakan persediaan mengambil alih industri air ini, dan menyediakan program operasi air yang berkesan.

Antara isu yang turut dibangkitkan adalah Projek Langat 2. Ada atau tidak dalam pertimbangan saudara untuk menghentikan projek itu?

Ya, ada dalam pertimbangan tetapi Kerajaan Pusat tersepit dalam hal ini kerana mereka telah meminjam wang dari Jepun. Jika saya hentikan projek itu sekalipun, masalahnya tetap tidak selesai. Justeru, saya bersetuju untuk benarkan projek itu diteruskan dengan syarat kita strukturkan semula industri air.

Oleh kerana Langat 2 ini juga dibiayai pembayar cukai warga Selangor, saya berharap melalui penstrukturkan itu nanti rakyat akan mendapat lebih nilai darinya.

Dalam masa yang sama, saya sediakan sumber air alternatif kerana saya tidak mahu Selangor bergantung kepada Langat

Kerana ada di kalangan operator konsesi mahu jumlah yang lebih tinggi daripada yang Selangor tawarkan. Mereka mendakwa Akta 655 bersifat 'ultra vires' (melampaui batas). Bagi saya, jika operator guna dakwaan itu sebagai pedang di leher Selangor dan Kerajaan Pusat untuk mengambil lebih banyak wang rakyat Selangor, kita cerita di mahkamah



“Seandainya saya bayar lebih satu ringgit sekalipun, saya sebenarnya menggunakan duit rakyat. Bagi Selangor, tawaran RM9.65 bilion itu adalah nilai tawaran yang munasabah: Operator tak rugi, tiada liabiliti, malah ada laba, dan dengan laba itu mereka boleh pergi melabur ke bidang lain

2 semata-mata untuk menjamin ketersediaan air.

Melihat kembali rundingan sepanjang pergelutan industri air ini, mungkinkah ada langkah berbeza yang saudara akan ambil sekiranya diberi peluang?

Tidak. Saya telah mengkaji isu itu dengan mendalam dan sepenuhnya berulang kali, dan saya yakin dengan keputusan yang saya ambil. Melihat semula keputusan-keputusan yang dibuat, terbukti saya betul.

Bagaimana dengan ahli parti yang tidak berpuas hati dengan cara Kerajaan Negeri mengendalikan isu ini?

Mereka perlu kembali kepada Akta WSIA. Sama ada kita suka atau tidak, Seksyen 114 memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat untuk campur tangan dan mengambil alih industri air negeri.

Malah seawal September 2013 Kerajaan Pusat telah menulis surat kepada saya dan ketua-ketua negeri lain mengingatkan bahawa mereka akan menguatkuasakan Seksyen 114 sekiranya isu ini tidak diselesaikan menjelang 31 Disember 2013.

Jadi apa yang boleh kita buat? Turun ke jalan?

Lantas, apa yang saya buat adalah meminta penstrukturkan diselesaikan sebelum kuatkuasakan Seksyen 114. Keputusan yang sama juga diambil pada tahun 2011. Pendirian kita tidak berubah.

Apa yang dimaksudkan dengan penstrukturkan?

Penstrukturkan itu bermaksud membolehkan Kerajaan Negeri memiliki aset-aset air negeri seperti yang dibenarkan dalam Akta WSIA, dan dalam masa yang sama mengusahakan aset-aset itu.

Seksyen 117 mengatakan aset-aset itu adalah milik Kerajaan Negeri, kita hanya pajakkan (leasing rights) kepada Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) sebagai balasan kepada bayaran yang Kerajaan Pusat bayar kepada operator konsesi semasa proses pengambilalihan aset dari tangan konsesi.

Selepas ini konsesi ini tidak lagi wujud. Industri ini akan diuruskan oleh Kerajaan Negeri, di bawah pantauan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan PAAB.

Mengapa saudara menerima aturan itu?

Kerana ada di kalangan operator konsesi mahu jumlah yang lebih tinggi daripada yang Selangor tawarkan. Mereka

mendakwa Akta 655 bersifat 'ultra vires' (melampaui batas). Bagi saya, jika operator guna dakwaan itu sebagai pedang di leher Selangor dan Kerajaan Pusat untuk mengambil lebih banyak wang rakyat Selangor, kita cerita di mahkamah.

Hakikatnya lagi lama satu-satu kontrak dipegang konsesi, lagi banyak untung yang dikaut. Jika benar Parlimen melampaui batas, adakah operator konsesi mahu menyaman Ahli-Ahli Parlimen kerana membentangi dan meluluskan akta itu?

Saya harap ini menjadi pengajaran kepada pemerintah bahawa semua penswastan dan perjanjian harus dirumus dan didokumenkan dengan rapi supaya rakyat tidak diperbodohkan. Kita tak mahu kapitalis tamak dan gila mengambil kesempatan atas penswastan dan perjanjian yang dangkal.

Saya lebih arif dalam hal ini kerana saya dari sektor korporat. Saya amat sukakan keuntungan (ketawa)!

Bagi saya, penswastan harus dirumus untuk kelebihan negeri - wakil rakyat harus berat sebelah kepada rakyat, tetapi pemerintah harus bersifat adil pada pemodal. Kita jangan tekan pemodal, cukup sekadar pegang tekak mereka supaya pasaran adil untuk semua.

Galakkan anak jadi penghafaz

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Ibu bapa disaran supaya menggalakkan anak untuk menjadi penghafaz sejak kecil bagi faedah diri dan keluarga termasuk dapat mengharumkan nama Selangor di peringkat antarabangsa.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata ibu bapa sewajarnya berperanan sebagai perangsang kepada anak menjadi huffaz dan Selangor turut menyediakan sekolah serta institusi yang menganjurkan kelas menghafaz al-Quran sebagai silibus pembelajaran.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri memang berusaha gigih bagi memartabatkan pembelajaran dan penguasaan al-Quran terutama melalui pendidikan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

“Selain menaikkan elaun guru KAFA daripada sekitar RM400 sebulan pada tahun 2008 kepada lebih RM1500 sebulan. Kerajaan Negeri juga memberi bantuan kewangan dan peralatan kepada sekolah tahfiz dan sekolah agama rakyat.

“Saya berharap dengan pelbagai bantuan yang diberikan, usaha murni ini dapat memberi motivasi kepada guru dan pelajar yang terbabit dalam bidang pendidikan al-Quran dan menarik minat mereka untuk menghafaznya,” katanya.

“

Saya berharap dengan pelbagai bantuan yang diberikan, usaha murni ini dapat memberi motivasi kepada guru dan pelajar yang terbabit dalam bidang pendidikan al-Quran dan menarik minat mereka untuk menghafaznya

ABDUL KHALID
Menteri Besar

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Menghafaz Al-Quran peringkat negeri Selangor di Masjid Negeri, di sini.

Majlis yang berlangsung selama empat hari tiga malam itu adalah program tahunan Kerajaan Negeri dalam usaha mendidik dan mengajak masyarakat untuk menghayati ayat suci al-Quran.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaharin Mohd Saad.



Orang ramai hadir memenuhi dewan Masjid Negeri di Shah Alam

MB: Kelab bola sepak Selangor jejak langkah kelab Liga Inggeris



Menteri Besar bersama penyokong 'Red Giant' sewaktu Program Ramah Mesra Bersama Penyokong Bola Sepak Selangor

SHAH ALAM - Bagi merencanakan lagi arena sukan bola sepak dan memperkasa pembangunan kelab bola sepak Selangor, Kerajaan Negeri sedang mengkaji usaha untuk menerbitkan pemberian saham kepada penyokong setia.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata usaha itu sedang diatur dengan mengambil contoh inisiatif beberapa kelab bola sepak di England seperti Manchester United, Liverpool dan Chelsea.

“Saya akan uruskan supaya akhirnya ia berlaku seperti di England di mana penyokong bola sepak adalah pemilik saham syarikat itu.

“Sebagai contoh, penyokong Manchester United bukan sahaja menyokong kelab itu, tetapi mereka juga memiliki saham,” katanya semasa menghadiri Program Ramah Mesra Bersama Penyokong Bola Sepak Selangor di kediaman rasmi Menteri Besar, Seksyen 7, ba-

ru-baru ini.

Dalam majlis itu, kira-kira 1,000 penyokong kelab bola sepak Selangor hadir untuk mendengar penerangan dari Abdul Khalid. Hadir sama adalah Exco Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi dan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadirin juga turut dihidangkan dengan pelbagai juadah menarik secara percuma daripada usahawan Mikro Kredit Miskin Bandar (Mimbar).

Dalam ucapannya, Abdul Khalid turut mengemukakan hasrat untuk mewujudkan sebuah rumah kelab khas bagi kemudahan ahli serta penyokong pasukan bola Sepak Selangor.

“Kita kena adakan supaya mereka ada tumpuan tentang bola sepak dan sebuah laman web mesti dibangunkan sebagai satu medium maklumat kepada penyokong tentang keadaan bola sepak sekarang,” katanya lagi.

MBPJ bantu miskin bandar keluar daripada kemiskinan

PETALING JAYA - Meskipun Malaysia diuar-uarkan menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, masih ramai yang terpinggir kerana terputus mata pencarian, tidak mempunyai kemahiran untuk meraih pendapatan secukupnya.

Golongan yang paling terkesan di celah pembangunan dan kepadatan yang pesat selalunya golongan miskin bandar, dan ibu tunggal.

Justeru Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil inisiatif memperkenalkan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) bagi membantu golongan itu daripada di belenggu kemiskinan.

Antara strategi yang diperkenalkan, sistem 'Contract for Service', di mana MBPJ melantik pekerja daripada golongan sasaran untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan di 14 lokasi tandas awam di bawah seliaan Majlis.

"Pekerja yang dilantik ini ter-

LAPORAN KHAS
OLEH
NAEEM RAFFI



diri daripada ibu tunggal, bapa tunggal dan orang miskin dengan bayaran gaji RM1,500.00 sebulan.

"Melalui inisiatif ini, dapat berikan peluang pekerjaan dengan pendapatan tetap, sekaligus mengurangkan beban tanggungan keluarga," kata Datuk Bandar MBPJ, Datin Paduka Alinah Ahmad.

Bayaran itu selaras dengan dasar gaji minima yang didukung Kerajaan Negeri Selangor. Sejak dilaksanakan September lalu, hasilnya sangat membeberangsangkan.

Bukan sahaja tandas awam di bawah seliaan mereka bertambah baik, malah pekerja yang ditemui berkata, inisiatif ini merupakan langkah bijak dan banyak membantu kehidupan mereka.

“

Keberkesanan program ini dapat dilihat dengan penurunan jumlah keluarga miskin bandar sejak mula dilaksanakan pada Jun 2011, iaitu seramai 1360 keluarga, menurun kepada 866 keluarga pada September 2013

DATIN PADUKA
ALINAH AHMAD
Datuk Bandar MBPJ



"Pemeriksaan kebersihan yang dilakukan Unit Kawalan Tandas Awam MBPJ mendapati tandas awam itu menunjukkan peningkatan tahap kebersihan dengan mencapai markah 90 peratus," katanya.

"Ini yang dikatakan 'win-win situation'. Mereka berpeluang meraih pendapatan memuaskan dan MBPJ pula dapat khidmat yang jauh lebih cemerlang dengan keadaan tandas bersih untuk kegunaan awam," ka-

tanya.

Sejumlah 866 keluarga di Petaling Jaya dikenal pasti dan berdaftar di bawah PPKB berpendapatan kurang dari RM1,500 seisi rumah, iaitu di bawah paras kemiskinan yang ditetapkan Kerajaan Negeri. Majoriti penduduk yang dikenalpasti itu terdiri dari keluarga yang menghuni Program Perumahan Rakyat.

Menurut Alinah, pihaknya komited mempergiatkan usaha pembasmian kemiskinan bandar melalui strategi mengenal pasti masalah dan kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Zakat Selangor dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) secara bersepadu.

"Keberkesanan program ini dapat dilihat dengan penurunan jumlah keluarga miskin bandar sejak mula dilaksanakan pada Jun 2011, iaitu seramai 1360 keluarga, menurun kepada 866 keluarga pada September 2013," jelasnya.

Sebahagian besar peserta program telah mendapat manfaat daripada bengkel kemahiran yang disediakan seperti jahitan dan sulaman manik, kek dan hiasan, terapi dan urutan badan serta kemahiran komputer.

Exco saran PBT contohi inisiatif MBPJ

SHAH ALAM - Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Datuk Teng Chang Khim memuji inisiatif MBPJ bersama Kerajaan Negeri membasmi kemiskinan bandar.

Beliau berkata pendekatan inovatif itu wajar dicontohi Pihak Berkuasa Tempatan lain.

"Usaha ini perlu dikaji untuk mengetahui sama ada ia boleh dicontohi atau ada cara lain yang lebih baik," jelasnya.

Sebelum ini kerja-kerja pembersihan tandas awam dibawah seliaan MBPJ diserahkan kepada kontraktor. Namun, amalan ini tidak lagi diteruskan kerana mutu perkhidmatan yang diberikan tidak memuaskan.

Ini usaha murni dan wajar dipuji. Ia pendekatan serampang dua mata. MBPJ bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah kebersihan tandas awamnya, malah golongan ibu tunggal dan miskin juga dibantu," jelasnya.



Tandas awam di Taman Jaya ini dikendalikan seorang pesara, Baharuddin Nordin

Pendapatan RM1,500 sebagai pencuci tandas

Beri nafas baru pada ibu tunggal



Zulfornuri gembira dengan pekerjaannya biarpun sebagai pencuci tandas

INISIATIF MBPJ memberi nafas baru buat Zulfornuri Abdul Hamid, 44.

Ibu tunggal beranak empat itu mengakui hidupnya semakin terurus dalam mengatur perbelanjaan keluarga hasil daripada pendapatan RM1,500 sebulan sebagai pencuci tandas.

“Sejak berpisah dengan suami, Mac 2012, saya hilang punca. Sebelum ini saya hanya suri rumah sepenuh masa dan bergantung sepenuhnya kepada bekas suami.

“Alhamdulillah saya bangkit untuk berdikari dan kini sudah enam bulan saya berkhidmat. Biar mulut orang cakap kerja ini kotor, asalkan saya tahu rezeki itu dari sumber halal untuk saya besarkan anak-anak,” jelasnya.

Ketika ditemui, Zulfornuri berkata, sumber pendapatannya itu membolehkan beliau memberi pendidikan tambahan dengan menghantar anaknya ke pusat tuisyen.

“Dua daripada anak saya akan ambil peperiksaan tahun ini (SPM dan PMR), jadi saya guna sebahagian pendapatan untuk hantar mereka ke tuisyen.

“Itu sahaja cara terbaik untuk saya ubah nasib keluarga,” katanya.

“

Alhamdulillah, saya bangkit untuk berdikari dan kini sudah enam bulan saya berkhidmat. Biar mulut orang cakap kerja ini kotor, asalkan saya tahu rezeki itu dari sumber halal untuk saya besarkan anak-anak

ZULFORNURI ABDUL HAMID
Ibu Tunggal

Menceritakan pengalamannya, Zulfornuri berkata, beliau bangun seawal 6 pagi dan berjalan kaki hampir 8 km dari rumahnya di Pangsapuri Taman Impian Baiduri, Seksyen 14 Petaling Jaya untuk ke tempat kerja ekoran tiada kenderaan sendiri.

“Biarlah saya berjalan kaki sejauh itu untuk mencari rezeki daripada dipandang serong masyarakat hanya kerana saya malas dan mengharapkan bantuan orang ramai tanpa berusaha,” jelasnya.

Tinjauan di Tandas Awam Jalan 52/7 yang dikendalikan

Zulfornuri, mendapati ia dalam keadaan bersih dan selesa untuk digunakan.

Bagi Zulfornuri, beliau amat menyayangi kerjayanya itu dan tidak sesekali akan mensiasikan peluang yang diberikan.

“Bagi saya, pujian orang awam selepas menggunakan tandas adalah satu kepuasan dan ia adalah kayu pengukur kepada mutu kerja saya.

“Malah, ada yang menghulurkan saguhati kepada saya sebagai tanda berpuas hati dengan kebersihan dan keselesaan tandas,” jelasnya.

Bantu kelangsungan hidup pesara

PETALING JAYA - Sebagai anggota masyarakat yang menghuni di kota dengan bebanan kos saraan hidup yang semakin menekan seakan memaksa pesara, Baharuddin Nordin, 64 (**gambar**) untuk terus bekerja.

Peluang bekerja sebagai pencuci tandas dengan bayaran gaji setinggi RM1,500 memberi harapan baru kepada Baharuddin.

“Mungkin kerja ini kotor bagi sesetengah orang, tapi saya tidak kekok, asalkan kita ikhlas bekerja untuk menyara keluarga, pekerjaan yang berat akan menjadi ringan.

“Sebelum ini saya lakukan kerja pembersihan tandas di pusat membeli-belah. Namun, gaji yang diterima tidak setimpal. Hanya RM500 sebulan dan ia tidak cukup untuk saya tampung belanja dapur, bil api (elektrik) dan air,” jelasnya.

Baharuddin yang mesra dengan panggilan Pak Din ditugaskan menjaga kebersihan tandas awam di Taman Jaya. Lokasi tandas awam tersebut menjadi tumpuan orang awam, khususnya penduduk



setempat yang menggunakan kemudahan taman rekreasi di situ untuk bersukan.

“Tandas seliaan saya ini antara tandas tumpuan orang awam. Kalau tidak diuruskan dengan baik, ia akan kotor. “Setakat ini belum ada runtuhan daripada orang awam, malah mereka memuji kebersihan dan keceriaan tandas sejak saya uruskannya,” katanya.

Tambah Baharuddin, setiap hujung minggu isterinya akan menemaninya bekerja dan membantu menceriaikan tandas awam. “Isteri saya sering memberi idea dan membantu saya menceriaikan tandas awam ini.

“Bunga hiasan yang ada di sudut singki dan pewangi itu antara idea isteri saya. malah pasu bunga diluar tandas ini juga isteri saya yang mengecatnya,” jelasnya.



Bersih dan selesa untuk digunakan

OLEH HAFIZAN TAIB

ADUN Hulu Kelang Saari Sungip masih belum berpuas hati dengan tahap keselamatan dalam wilayah jagaannya. Beliau berharap pihak berwajib menjalin kerjasama yang lebih intensif bagi mencegah jenayah daripada berleluasa dan menjamin keamanan masyarakat.

“Saya masih belum berpuas hati terutama isu keselamatan kerana ia bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

“Ada isu tertentu berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau PDRM dan kita maklumkan dari masa ke semasa dengan pihak tertentu biar pun dilihat masih longgar,” katanya.

Di pihaknya pula beliau berhasrat menganjurkan dialog antara penduduk bersama pihak berkuasa dengan lebih kerap, supaya isu-isu jenayah setempat diberi perhatian sewajarnya. Beliau harap inisiatif itu juga akan menjalin kerjasama erat antara polis dan orang ramai.

“Apa yang akan dibuat ialah dengan mengadakan banyak dialog bersama penduduk dengan polis di kawasan terbabit supaya dapat diberi perhatian terhadap jenayah yang berlaku. Dengan cara ini terbentuk hubungan rapat antara polis dan orang ramai,” katanya.

Selain isu jenayah, Saari turut mengesakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPSJ) untuk lebih proaktif dan tidak sekadar bertindak berdasarkan aduan.

“Saya pernah bawa perkara ini dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) seperti selenggaraan pokok-pokok yang dilihat tinggi dan membahayakan orang ramai.

“Selain itu di DUN Hulu Kelang ini juga didapati ada kawasan penempatan yang kurang kemudahan lampu jalan, yang mana mengundang bahaya kepada

Keselamatan penduduk keutamaan saya - Saari

keselamatan orang awam.

“Masalah ini mengambil masa hampir setahun untuk diselesaikan. Bila dibawa ke DNS, dimaklumkan dalam MPAJ ada Chempaka, Teratai, Ampang Jaya, Bukit Antarabangsa dan Hulu Kelang, ternyata catatan bil elektrik di Hulu Kelang yang paling rendah,” katanya.

Saari turut prihatin dengan isu penempatan setinggi seperti di AU3 dan Kampung Kemensah.

“Saya berharap Kerajaan Negeri turut membantu dalam isu ini selain pemaju. Proposal saya ialah kawasan itu dimajukan dengan penduduk terbabit diberi kemudahan mengikut nilai subsidi diterima pemaju dan ia bukan memindahkan mereka,” katanya.



Bersama penduduk meninjau pembangunan di kawasan Kemensah Heights yang membimbangkan

Warga Hulu Klang seperti keluarga

RAPAT seperti keluarga. Jika ditanya penduduk setempat, Saari antara Adun yang paling rajin turun padang dan bertemu rakyat di bawah jagaannya. Ketika ditanya, Saari berkata dia tidak mengkhususkan hari tertentu untuk bertemu rakyat, sebaliknya beliau boleh ditemui pada bila-bila masa ketika keadaan memerlukan.

Beliau berkata, setiap aduan dan

“

Pendekatan saya turun ke bawah. Saya lebih suka pergi berjumpa orang ramai dan tidak tunggu mereka datang. Dengan cara ini masalah yang dihadapi cepat dikenal pasti dan diatasi.

masalah dikemukakan kepada Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Hulu Kelang dan akan diteliti petugasnya untuk dimaklumkan kepadanya dengan segera.

“Pendekatan saya turun ke bawah. Saya lebih suka pergi berjumpa orang ramai dan tidak tunggu mereka datang. Dengan cara ini masalah yang dihadapi cepat dikenal pasti dan diatasi.

“Tanggungjawab Adun ialah memudahkan semua masalah dengan kerjasama pihak yang berkaitan,” katanya.

Saari berkata, sepanjang lima tahun pertama sebagai Adun, banyak masalah berjaya diatasi bersama pihak berkuasa seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Polis Diraja

Malaysia (PDRM), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan yang lain.

“Selain itu saya banyak buat program dan aktiviti untuk disertai orang ramai seperti sarapan pagi, gotong royong, dialog, kursus bimbingan untuk wanita dan belia di samping ceramah serta kuliah agama di masjid dan surau.

“Kadang kala saya sendiri bertindak sebagai penceramah di dalam kuliah tertentu di samping pihak lain,” katanya.

Beliau menjelaskan kegigihan itu dirasakan terbayar apabila setiap masalah diaju dapat diselesaikan.

“Saya terima respon yang bagus daripada masyarakat setempat dan merasakan bila seminggu atau dua minggu tidak bertemu, dirasakan sudah lama tidak berjumpa,” akunya.



SAARI SUNGIP Adun Hulu Kelang

Tarikh Lahir : 3 Ogos 1957.
Tempat Lahir : Dengkil, Selangor.
Umur : 57 Tahun.
Isteri : Aliza Jaafar

PENDIDIKAN

- Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur (1964-1969).
- Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh (1970-1976).
- Ijazah Sarjana Muda Mekanikal dan Bahan dengan kepujian di Universiti of Aston di Birmingham, United Kingdom (1982).
- Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA dengan kepujian) dari University of Hull, United Kingdom (1993)
- Diploma (Lepasan Ijazah) Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1984).

JAWATAN DALAM KERAJAAN NEGERI

- Pengerusi Jawatankuasa Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat (Selangor) 2008 - 2010.
- Ahli Jawatankuasa Khas Dewan Berkaitan Keupayaan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT).
- Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan
- Mengenai Agensi Badan Berkanun & Anak Syarikat Negeri (JPK ABAS) dan JK Basmi Kemiskinan - 2013 hingga kini.

JAWATAN DALAM PAS

- Bekas Ketua Penerangan PAS Selangor.
- Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Gombak bagi sesi 2013-2015.

MES diterima rakyat dengan baik

BIARPUN sederhana, program Merakyatkan Ekonomi Rakyat (MES) mendapat sambutan baik daripada masyarakat di DUN Hulu Kelang.

Adun Hulu Kelang, Saari Sungip berkata, biarpun impak daripada MES kurang berikutan DUN Hulu Kelang adalah kawasan bandar, namun ia jelas membantu mereka yang memerlukan.

Katanya, hebahan berita menerusi media

terutama saluran Kerajaan Negeri dan promosi berterusan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN Hulu Kelang membantu menjayakan agenda Kerajaan Negeri itu.

“Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) ialah yang paling popular dengan sasaran dicapai kira-kira 65 peratus daripada golongan warga emas.

“Kita akan terus membantu biarpun ada

yang beranggapan ia adalah program parti. Ia dapat sambutan melalui pemberitaan yang baik, terutama bila program dijalankan ketika musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, Aidilfitri dan Deepavali,” katanya.

Saari berkata, Mimbar juga mendapat sambutan memuaskan, manakala Pusat Tuisyen Rakyat Selangor (PTS) hanya membabitkan bilangan kecil dengan Hulu Kelang mencatatkan penyertaan terendah berbanding DUN lain.

“Program Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) pula bermasalah kerana ada kawasan kelahiran seperti Kelang Gate atau Keramat dicatatkan di dalam Kuala Lumpur. Bila ibu bapa datang untuk mendaftar maka ia ditolak,” katanya.

Bagaimanapun katanya, orang ramai menyambut baik program itu dan berpandangan Kerajaan Negeri prihatin dalam menjaga kebajikan rakyat.

Butiran	Catatan
SMUE	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah berdaftar : 4041 orang Jumlah yang masih Hidup: 3216 orang Jumlah yang telah mendapat manfaat: 734 orang (setakat 26 November 2013)
TAWAS	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah yg lulus : 420 orang Jumlah gagal : 162 orang Belum disemak : - orang Penerima Jom Shopping Bonus Selangorku: 38 orang (setakat 26 November 2013)
Insentif Perkahwinan Belia	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah Permohonan : 26 orang (setakat 26 November 2013)
MIMBAR	<ul style="list-style-type: none"> 133 layak 149 gagal (setakat Mac 2013)
Jom Shopping Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah Peserta Jom Shopping 1460 orang (setakat 2 Mei 2013)
Jom Shopping Ibu Tunggal	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah Peserta Jom Shopping 65 orang (setakat 27 Februari 2013)
HPIPT	<ul style="list-style-type: none"> 18 orang layak dan telah terima 54 masih dalam proses 134 tidak layak (sehingga 13 September 2013)
SKIMSEL Mammogram	<ul style="list-style-type: none"> 121 orang (sehingga 28 Februari 2013)

Program bimbingan IT untuk belia

GOLONGAN belia akan diberi bimbingan kerjaya dalam bidang teknologi maklumat (IT) serta yang berkaitan melalui program kerjasama antara Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN kawasan itu dan Pernec Corporation Berhad (Pernec) mulai hujung minggu ini.

Adunnya, Saari Sungip berkata, program dijalankan secara percuma itu adalah antara program diatitkan PKM untuk direbut golongan belia daripada kalangan lepasan sekolah menengah hingga berusia 45 tahun untuk meningkatkan kerjaya dan taraf hidup mereka.

Beliau berkata, pihaknya mensasarkan penyertaan seramai 100 peserta bagi peringkat awal itu dan mereka yang berminat boleh mendaftar dengan PKM DUN berkenaan.

“Selain sukan dan majlis dialog, kita juga banyak rancang program berkaitan kerjaya. Terbaru kita bersama Pernec akan membuat program bimbingan untuk belia dalam bidang IT dan yang berkaitan.

“Ia dipanggil ‘Micro Sourcing’ yang mana ada golongan yang sudah bekerja tetapi dibantu untuk meningkatkan kerjaya dan menjana pendapatan. Seperti di Amerika Syarikat golongan yang berhenti bekerja pun turut serta,” katanya.

Saari berkata, Pernec ialah syarikat berpangkalan di Hulu Kelang yang mendapat geran daripada Kerajaan Pusat untuk melatih golongan belia dengan pendapatan kurang RM3,000 dalam bidang IT melalui sasaran seramai lebih kurang 800 orang.

Mengulas lanjut, katanya, golongan belia di DUN Hulu Kelang kini semakin aktif dengan pelbagai program termasuk program agama dianjurkan di masjid dan surau.

“Jika sebelum ini hanya golongan berusia yang terbabit, tetapi sekarang ini kalangan orang muda dan belia mula berminat dengan program seperti ini.

“Ini perkembangan positif dalam pembangunan anak muda di kawasan ini,” katanya.

Cekap juga ada salahnya?

Dunia ini aneh. Kita sedari kecil diajar ja-



Selangorkini
EDITORIAL

ngan membazir, berpada-pada menggunakan wang, jangan sembarangan beli itu ini.

Itu pesan ibu bapa kita tiap kali menghulur wang saku ke sekolah.

Tapi di Selangor, kecekapan juga boleh menjadi satu ke salahan. Sekalipun jika pandai menghimpun wang melalui sistem pentadbiran yang sebelumnya bocor sana sini. Seolah-olah, berjimat ada risikonya.

Tuduhan kedekut mudah terpalit, menconteng reputasi yang dulunya diangkat, disebut-sebut dan disegani sana sini.

Sadis - kerana tuduhan sedemikian tidak kenal kawan mahupun lawan.

Segelintir pihak mahu setiap sen yang dikumpul dengan susah payah, dibelanja kembali tanpa rasa ‘sayangnya hendak belanja’ supaya boleh bermewah-mewahan. Jarang kedengaran akan kebimbangan tabungan menyusut.

Apapun, mereka barangkali terlupa. Sebelum wang dibelanja - sama ada secara ‘kedekut’ atau boros, duit perlu dikumpul terlebih dulu.

Jika tidak, jadilah macam kerajaan Umno-BN yang melonggok angka hutang hingga mencecah RM500 bilion - tertinggi dalam sejarah tanah air.

Hakikatnya, mengumpul jauh lebih sukar dari berbelanja.

Sesiapapun pandai menghabiskan wang tapi bilangan orang yang pintar mengurus kewangan, apatah lagi dari sistem yang korup dan rosak, sangat sedikit.

Barangkali satu dalam sejuta.

Maka, tidak hairanlah Tan Sri Khalid Ibrahim berbangga dan tidak malu mengakui hal itu sekalipun dikritik bertubi-tubi oleh kawan mahupun lawan.

“Orang kata saya pandai mengira. Tapi kalau orang minta duit terlalu banyak, saya kata tak ada duit. Saya tidak malu mengakui hal itu,” kata Abdul Khalid, arkitek sebenar yang menjana rizab simpanan hingga mencecah RM3 bilion dalam tempoh singkat.

Ironinya, kritikan datang ketika Selangor rancak memacu ekonomi dan menyumbang 25 peratus pendapatan negara.

Rakyat pula menikmati 17 skim Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) termasuk air percuma 20 meter padu - sesuatu yang tidak ada di negeri lain.

Tapi, kritikan tidak pernah berhenti. Jadi, benarlah dunia ini sangat aneh.

Ketua Pengarang

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin
Arfa'za Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiihz Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,
Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com
Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB,

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com



▲ Sempena Tahun Baru Cina, Adun Chempaka, Iskandar Samad, menyampaikan baucar kepada peserta warga emas di Pusat Tarbiyah Pandan



▲ Datuk Bandar Petaling Jaya, Datin Paduka Alinah Ahmad memberikan limau kepada peniaga pasar pagi di SS2, Petaling Jaya, sempena Sambutan Tahun Baru Cina



▲ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali, menyampaikan sumbangan zakat persendirian kepada 50 orang penduduk DUN Selat Klang yang memerlukan bantuan



▲ Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi bertanya khabar pesakit sewaktu mengadakan lawatan ke Hospital Ampang



▲ Bertempat di Dewan JKKK Tasik Permai, kira-kira 30 golongan kurang bernasib baik menerima sumbangan hamper daripada Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz di Dewan JKKK Tasik Permai

Jalan di Taman Delima dinaik taraf

KUALA LANGAT - Kerja-kerja penurapan jalan sepanjang 2700 meter di sekitar Taman Delim,

dilaksanakan baru-baru ini, bertujuan memudahkan urusan penduduk.

Projek menurap semula ini melibatkan Jalan 3,5,11,13,15,17,19,22,28,30 dan beberapa jalan lain.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, projek ini mendapat peruntukan daripada Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia(Marris).

"Peruntukan tambahan RM1

juta daripada Marris ini, bagi tujuan peningkatan infrastruktur di DUN Telok Datok," katanya.

Tambah beliau, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM640 ribu digunakan menurap semula jalan yang berlubang dan rosak.

Loh berkata, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) membuka tender untuk melantik kontraktor menjalankan projek tersebut.

Persatuan Penduduk Taman Delima mengucapkan terima kasih atas bantuan tersebut.

Loh Chee Heng
Adun Telok Datok



Loh Chee Heng meninjau jalan di Taman Delima yang akan diturap



Dr Rani bertanya khabar Aminah

Program Ziarah rapatkan penduduk dan rakyat

MERU - Walaupun jadual harian beliau padat, Adun Meru, Dr Rani Osman tetap meluangkan masa, meninjau permasalahan penduduk di DUN beliau.

Melalui Program Ziarah, Dr Rani, bersama Ketua Kampung Meru, Thaifor

Noor dan AJK Kampung Budi-man, Zulkifli Harun, melawat Aminah Amran, 48, yang kemalangan ketika mengambil buah rambutan.

Ekoran daripada kejadian

itu, Aminah kini terlantar sakit disebabkan tulang belakang dan tengkuk beliau mengalami kecederaan serius dan bergantung kepada ubat-ubatan.

Dalam lawatan tersebut Dr Rani turut berkesempatan melawat Nor Elly Amran Zulkifle, 30, yang ditimpa kemalangan, dan menziarah mangsa kebakaran di Taman Damai.

Dr Rani turut menyampaikan sumbangan wang dalam kunjungannya

Dr Rani Osman
Adun Meru

Bertanya khabar warga emas

PETALING JAYA - Pusat Khidmat DUN Taman Medan, menganjurkan program Ziarah Prihatin Perdana, bertujuan mendekatkan diri dengan masyarakat setempat.

Dalam program tersebut, Adun Taman Medan, Haniza Talha, mengambil peluang bertanya khabar warga emas, Zaiton Talib, 87 dan Raguma a/p Ponusamy, 76, di Pangsapuri

Impian Baiduri.

Kedua-dua warga emas ini tinggal bersama anak-anak masing-masing.

Turut mendapat perhatian, Alias Wazis, seorang pesakit kencing manis kronik, yang tinggal di pangsapuri sama.

Dalam program itu, Haniza turut menghulurkan sumbangan wang ringgit dan makanan keperluan asas.

Ahli Majlis MBPJ, Raja Fairuz Raja Mazlan dan petugas pusat khidmat DUN, Shamsudin Md Yaacob, turut serta dalam program tersebut.

Haniza Talha
Adun Taman Medan



Zaiton gembira dan terharu dengan kunjungan Haniza

Pesakit buah pinggang dan OKU dibantu

SEKINCHAN - Sempena Tahun Baru Cina, Adun Sekinchan,

Ng Suee Lim melawat dan menyampaikan sumbangan ke-

pada seorang warga tua yang menghidap penyakit buah pinggang dan wanita kurang upaya (OKU) yang buta.

Penduduk Bagan Sekinchan, Sia Che Song, 80, menghidap penyakit buah pinggang sejak Disember 2013 lalu dan kini menerima rawatan dialisis, sebanyak tiga kali seminggu.

Memandangkan kos rawatan tinggi, beliau memerlukan RM220 untuk sekali rawatan.

Walau bagaimanapun ahli

keluarganya tidak mampu membiayai kos rawatan.

Ng Suee Lim bersama Pegawai Perhubungan Perkampungan Sabak Bernam Wong Ah Chia, berkunjung ke rumah Sia Che

Song dan memberi sumbangan RM1000, untuk mengurangkan beban.

Sementara itu, beliau juga mengadakan lawatan ke rumah seorang wanita OKU buta untuk menyerahkan sumbangan RM500.

Ng Suee Lim
Adun Sekinchan



Ng Suee Lim menyerahkan sumbangan kepada Sia Che Song

Waspada dengan anasir jahat

SHAH ALAM - Rakyat Selangor dinasihat supaya tidak mudah terpedaya dengan sebarang anasir jahat yang sengaja ditimbulkan sesetengah pihak bagi mewujudkan ketegangan dan rasa tidak percaya masyarakat.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, berkata rakyat juga perlu sentiasa berwaspada dengan mainan ahli politik yang sengaja ditimbulkan untuk memecah-belahkan keutuhan dan kesejahteraan rakyat.

Beliau berkata, kematangan rakyat untuk menilai dengan betul dan tepat menjadi asas kepada sistem demokrasi tulen ke arah masyarakat harmoni.

"Ia menuntut supaya rakyat faham dan jelas berkenaan sesuatu itu, bukan mengikut sahaja apa yang disogokkan kepada mereka melalui kaca televisyen, radio dan akhbar arus perdana.

"Rakyat seharusnya tidak membenarkan anasir jahat itu mengawal, memperlaku dengan sewenang-wenangnya dan memperkosa apa yang menjadi hak serta milik mereka," katanya dalam satu kenyataan media.

Beliau berkata, kemajuan ke arah meningkatkan kefahaman dalam perbezaan antara masyarakat adalah jaminan kepada kelangsungan suasana aman dan terpeliharanya kesejahteraan di kalangan rakyat.

Katanya, rakyat juga kini lebih bijak menilai erti demokrasi dan ketelusan serta utuh memelihara keamanan walaupun berbeza fahaman agama serta kaum.



Usahawan IKS turut diberi peluang menjual barangan yang dihasilkan

Selangor sumbang lebih 25 peratus pendapatan negara

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Selangor menyumbang satu perempat atau 25 peratus jumlah pendapatan negara melalui cukai berbanding satu perlima sebelum ini, yang menzahirkan keupayaan ekonomi Selangor sebagai negeri maju.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, berkata kajian Malaysia Institute of Economic Research (MIER) menunjukkan bahawa pendapatan purata bagi keluarga golongan sederhana yang mempunyai empat ahli keluarga di Selangor ketika ini berjumlah RM5,753 sebulan.

Kata beliau lagi, Kerajaan Negeri ketika ini sedang giat



Nurul Izzah hadir sebagai tetamu jemputan

melipat gandakan usaha bagi membantu meningkatkan lagi pendapatan golongan berpendapatan rendah kepada tahap yang lebih tinggi lagi.

"Kajian dijalankan berdasar-

kan kajian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan perkapita rakyat dan juga berdasarkan bagaimana pulangan pelaburan kepada persekutuan," kata beliau, selepas merasmikan

kan Program Hormat Diri Anda yang dianjurkan Exco Hal Ehwal Wanita Selangor baru-baru ini.

Program yang turut dihadiri Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rawang, Gan Pei Nei dihadiri lebih 100 wanita dari pelbagai peringkat usia.

Mengulas lanjut, Rodziah berkata Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Selangor diunjurkan berkembang masing-masing pada kadar 6.8 peratus dan 6.5 peratus secara purata di antara 2013 dan 2023.

"Ini bukan sekadar seronok nak bercakap, tetapi dari ukuran dan kajian yang dah dibuat. Kita berlari lebih laju dan jauh ke hadapan," kata Rodziah.

Bendung budaya samseng di Kampung Pandan

SHAH ALAM - Pihak polis digesa lebih serius membanteras jenayah, terutama budaya samseng yang semakin berleluasa di Kampung Pandan dan kawasan sekitarnya.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata polis perlu menggandakan usaha mereka untuk mengenal pasti pihak yang terbabit dengan insiden jenayah supaya kawasan itu kembali aman.

Hal itu berikutan beberapa siri jenayah yang dilaporkan sebelum



Kereta Ahmad Fauzi yang dipecahkan

ini, dengan kes terbaru memabatkan insiden cermin kereta bekas Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ahmad Fauzi Khamis dipecahkan.

"Beberapa minit sebelum ke-



jadian, dua orang individu datang mencari Fauzi di rumah tetapi ketika itu beliau berada di luar.

"Beliau mengesyaki kejadian itu berpunca daripada operasi MPAJ terhadap peniaga tanpa

izin di kampung itu, pada 28 Januari lalu.

"Satu laporan polis dibuat pada hari sama dan keluarganya sudah dipindahkan ke tempat lain buat sementara waktu untuk keselamatan," kata Adun Chempaka itu dalam satu kenyataan media, baru-baru ini.

Bekas Ahli Majlis terbabit juga pernah diugut selepas beliau membangkitkan kewujudan kafe siber yang tidak mematuhi peraturan di kampung itu pada mesyuarat Ahli Majlis MPAJ.

Kejadian itu bukan pertama

kali berlaku di Kampung Pandan kerana kes sama turut menimpa kakitangan dan penguatkuasa MPAJ ketika cuba menyampaikan notis kepada pemilik premis perniagaan tanpa izin.

Susulan tindakan itu, mereka diserang sekumpulan lelaki bersenjata parang dan cermin kereta mereka turut dipecahkan.

"Sehingga kini, rakyat tidak melihat sebarang tindakan ber-sungguh-sungguh daripada polis. Gerai tanpa izin terbabit masih terus beroperasi dengan bebas," katanya.

Bersama kita perangi Aedes

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Orang ramai perlu memberi kerjasama dalam mencegah wabak denggi daripada terus menular, berikutan kes demam denggi yang tinggi di kebanyakan kawasan di Selangor.

Dalam wilayah Klang sahaja, pihak berkuasa merekodkan 487 kes antara 1 Januari hingga 27 Januari lalu.

Menurut Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Bahagian Kawalan Vektor) Majlis Perbandaran Klang (MPK), Zakaria Ismail, jumlah itu adalah peningkatan melebihi 100 peratus berbanding purata bulanan tahun lalu.

Dari jumlah itu, 471 kes ialah demam denggi biasa, manakala 16 kes demam denggi berdarah. Tiada kematian dilaporkan setakat ini.

"Angka menunjukkan peningkatan 40 hingga 60 kes dilaporkan setiap hari. Selain keadaan cuaca berubah-ubah yang memudahkan pembiakan jentik-jentik dan nyamuk aedes.



“

Kita menjalankan pemeriksaan setiap hari termasuk semburan asap fogging di kebanyakan kawasan. Bila ada kes, kita akan memeriksa kawasan rumah berkaitan serta kawasan sekitar dalam jarak 200 meter radius

ZAKARIA ISMAIL
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MPK

"Kita berharap orang ramai terutama penduduk di Klang lebih prihatin akan perkara ini dan beri kerjasama dalam menjaga kebersihan kawasan ru-

mah masing-masing," katanya.

MPK mengenal pasti 16 kawasan berisiko yang perlu dipantau setiap hari, terutama di Taman Sentosa dan Taman Bangi Perdana. Menurut Zakaria, MPK mengadakan operasi dengan kerap selain daripada mengadakan sesi penerangan untuk orang ramai. Program gotong-royong bersama penduduk turut

dilaksanakan di beberapa kawasan perumahan.

"Kita menjalankan pemeriksaan setiap hari termasuk semburan asap fogging di kebanyakan kawasan. Bila ada kes, kita akan periksa kawasan rumah berkaitan serta kawasan sekitar dalam jarak 200 meter radius," katanya.

Sementara itu di wilayah Selangor, Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Ahmad Fauzi, berkata sebanyak 58 kes demam denggi dilaporkan mulai 1 hingga 28 Januari lalu.

Antara kawasan terbabit ialah Selayang Baru 8 dengan 16 kes, Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves (14), Bandar Tasek Puteri Zon 1, Rawang (22) dan Bandar Tasek Puteri Zon 7, Rawang (enam).

"Jabatan Kesihatan MPK sentiasa menjalankan operasi bagi mencegah dan mengawal wabak denggi daripada terus berlaku.

"Baru-baru ini kita dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Negeri dan disertai pelbagai agensi menjalankan operasi gempur Aedes di kebanyakan kawasan berkaitan," katanya.

Minggu lalu, Kerajaan Ne-

geri mengarahkan semua PBT untuk memantau kawasan 'hotspot' yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes berikutan peningkatan wabak denggi yang semakin membimbangkan di Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata hospital dan klinik juga diarahkan supaya menghantar laporan secara berkala untuk mengetahui

jumlah pesakit yang diserang wabak denggi.

Langkah itu katanya bagi memudahkan Kerajaan Negeri

mengambil tindakan proaktif untuk mengawal penyebaran wabak denggi daripada terus menular di kalangan masyarakat.

Antara kawasan PBT yang dilaporkan mencatatkan angka tinggi ialah Petaling Jaya, Subang Jaya, Selayang dan Klang.

Sehingga 22 Januari lalu, sebanyak 6,155 kes dilaporkan iaitu meningkat 243 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Selangor mencatat kes tertinggi iaitu sebanyak 3,168 dengan dua kematian diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya masing-masing dengan 666 kes.



Sikap pengotor segelintir penduduk yang mengabaikan aspek kebersihan, termasuk membiarkan air bertakung menjadi punca pembiakan nyamuk aedes

Isu kontrak: Keputusan PKNS elak pertindihan kuasa, tugas

PERBADANAN Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengambil keputusan untuk tidak melanjutkan kontrak perkhidmatan 20 kakitangan anak syarikatnya, PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB), bagi mengurangkan pertindihan tugas dan mengurang-

kan ketidakcekapan operasi di syarikat induk.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim, menjelaskan langkah memulangkan semula kakitangan-kakitangan kontrak kepada anak syarikatnya itu selaras dengan dasar tadbir urus

PKNS yang mengutamakan perkhidmatan cekap dan 'value for money'.

Menjelaskan latar belakang keputusan itu, Ishak berkata, 20 kakitangan berkenaan dikontrakkan secara berperingkat seawal 2010 bagi mengisi jawatan di beberapa Bahagian baharu dalam PKNS, antaranya Pemasaran, Pembangunan Bisnes, Strategi & Media, Pelaburan dan Pengurusan Organisasi & Integriti.

"Walaupun bagaimanapun, setelah mengkaji keputusan tersebut, PKNS berpandangan tiada keperluan untuk meneruskan perkhidmatan 20 pegawai tersebut memandangkan kepakaran dan pengalaman yang sama sudahpun sedia ada di kalangan pegawai tetap di PKNS."

Keputusan untuk tidak melanjutkan kontrak 20 kakitangan itu kini bertukar sengit selepas media melaporkan pihak tertentu menuding jari kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di atas perkembangan ini. Pihak itu juga bertegas hanya Pejabat Menteri Besar, dan Istana Selangor, yang berkuasa untuk mengarah-

“

Dalam nota yang diberikan kepada saya tidak ada sebut berkenaan pemecatan, tetapi kebanyakan daripada mereka adalah pekerja kontrak dan pengurusan mungkin ingin menentukan jumlah pekerja yang sesuai maka kontrak itu ditamatkan

kan perubahan dalam barisan pimpinan tertinggi PKNS.

Menambahkan lagi keriuhan, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) turut menuding jari dan menggesa Abdul Khalid Ibrahim disingkirkan sebagai Menteri Besar.

PKNS bagaimanapun menafikan dakwaan mereka.

"Anaksyarikat PKNS; PKNS Holdings membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatan mereka menurut terma yang terdapat dalam kontrak perkhidmatan masing-masing," jawab Ishak.

Dalam perkembangan yang sama, Abdul Khalid menafikan penglibatan beliau dan berkata keputusan itu dilakukan sendiri pihak pengurusan PKNS.


"Dalam nota yang diberikan kepada saya, tidak ada sebut berkenaan pemecatan, tetapi kebanyakan daripada mereka adalah pekerja kontrak dan pengurusan mungkin ingin menentukan jumlah pekerja yang sesuai maka kontrak itu ditamatkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Menghafaz Al-Quran peringkat negeri Selangor, di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ketika ditanya sama ada perkembangan di PHSB ini mempunyai kaitan dengan tindakan ke atas dua pegawai

kanan PKNS yang cuba menggugurkan Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali daripada keanggotaan lembaga perbadanan, Abdul Khalid berkata, kes itu masih dalam siasatan.

"Perkara itu masih dalam proses pendengaran. Oleh sebab itu, saya tidak boleh memberi komen kerana ia di bawah jagaan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan akan dibentang untuk pengetahuan PKNS," katanya.



“

Walaupun bagaimanapun, setelah mengkaji keputusan tersebut, PKNS berpandangan tiada keperluan untuk meneruskan perkhidmatan 20 pegawai tersebut memandangkan kepakaran dan pengalaman yang sama sudahpun sedia ada di kalangan pegawai tetap di PKNS

ISHAK HASHIM
Pengurus Perhubungan Awam PKNS

Pegawai Khas dilantik kendali siasatan

SHAH ALAM - Seorang pegawai khas bebas dilantik untuk mengendalikan siasatan terhadap dua pegawai pengurusan tertinggi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) ekoran kes penamatan khidmat Timbalan Presiden PKR Azmin Ali sebagai ahli lembaga perbadanan itu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata individu itu diputuskan bagi mengelakkan sebarang kepentingan peribadi dari mengaburi proses siasatan.

"Sekarang mereka di bawah jagaan Pejabat Setiausaha Ke-

rajaan Negeri dan diletakkan seorang pegawai khas bebas untuk mengendalikan pentadbiran. Ini kerana setiausaha juga dikatakan namanya terlibat dalam hal ini.

"Oleh itu, untuk menunjukkan tiada percanggahan kepentingan, kita tidak meminta setiausaha mengendalikannya," katanya semasa sidang media selepas perjumpaan Kelab Penyokong Bola Sepak Selangor baru-baru ini.

Bulan lalu, Pengurus Besar PKNS, Datuk Othman Omar dan setiausaha kerja perbadanan itu, Norita Mohd Sidek ditu-



Siasatan ke atas kes melibatkan Azmin dan pegawai (PKNS) dibuat secara adil

karkan serta-merta ke pejabat SUK dan dilarang menghadiri mesyuarat ahli lembaga pengarah PKNS.

Abdul Khalid sebelum ini memaklumkan siasatan dijangka selesai selepas Tahun Baru Cina.

“

Sekarang mereka di bawah jagaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan diletakkan seorang pegawai khas bebas untuk mengendalikan pentadbiran. Ini kerana setiausaha juga dikatakan namanya terlibat dalam hal ini

ABDUL KHALID
Menteri Besar



Jalan Othman sedang dinaik taraf dan dijangka siap Ogos ini

Bulatan Othman dinaik taraf bagi atasi masalah kesesakan

OLEH NAEEM RAFFI

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sedang giat menaik taraf Bulatan Othman kepada persimpangan lampu isyarat disebabkan kesesakan trafik yang sekian lama membelenggu pengguna jalan raya berkenaan.

Datuk Bandar MBPJ, Datin Paduka Alinah Ahmad, berkata kerja naik taraf itu dijalankan melalui peruntukan khas RM3.14 juta, dan dijangka siap pada 23 Ogos ini.

“Atas faktor pertambahan kenderaan yang tinggi serta pembangunan kawasan sekitar yang pesat, bulatan

sedia ada tidak lagi mampu menampung tambahan trafik,” katanya.

Tambahnya, kerja menaik taraf bulatan berusia 40 tahun itu dianggarkan mengambil masa sekitar 10 bulan kerana turut membabitkan pengalihan utiliti sedia ada.

“MBPJ melantik syarikat Puspacon bagi pelaksanaan projek terbabit termasuk kerja pengalihan utiliti.

“Pengalihan utiliti ini adalah bagi mengelakkan berlakunya gangguan perkhidmatan lain ketika dan selepas pembinaan persimpangan itu,” katanya.

Tinjauan Selangor Kini di lokasi pembinaan berkenaan hari ini mendapati kerja naik taraf dan pengalihan utiliti

sedang giat dilakukan.

Bulatan Othman terletak berhampiran Seksyen 1 Petaling Jaya yang memunculkan Jalan Templer dan Jalan Gasing. Ia adalah laluan trafik dari Lebuh raya Persekutuan ke Lebuh raya Pantai dan menghubungkan Jalan Klang Lama ke kawasan Petaling Jaya Selatan.

Selangor Kini juga difahamkan, MBPJ melalui Jabatan Kejuruteraan-nya akan membuat bilik kawalan lampu isyarat di tingkat 22, Menara MBPJ bagi mengatasi kesesakan.

Alinah berharap pengguna lalu lintas bersabar sementara waktu bagi memberi laluan kepada projek berkenaan dijalankan.

3 pemancar telekomunikasi dirampas kerana gagal perbaharui permit

SELAYANG - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengenakan tindakan merampas struktur pemancar telekomunikasi milik sebuah syarikat akibat gagal memperbaharui permit, sejak tiga tahun lalu.

Pegawai Perhubungan Awam MPS, Ahmad Fauzi Ishak, berkata tindakan itu adalah amaran keras terhadap syarikat berkenaan yang gagal memperbaharui permit bernilai RM2,000 untuk setiap tapak.

Fauzi berkata, sebelum ini MPS mengeluarkan dua notis peringatan dan satu notis perobohan sekitar No-

vember dan Disember lalu, namun masih gagal dipatuhi.

“Tiga daripada 15 tapak pemancar milik syarikat berkenaan kita rampas sebagai peringatan serta amaran, semalam.

“Sebenarnya, kadar RM2,000 untuk setiap tapak adalah rendah berbanding sebelum pelarasan iaitu RM10,000 namun masih ada antara syarikat yang tidak menjelaskan bayaran,” katanya.

Tindakan dikenakan dibawah Seksyen 72 (1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, yang mana syarikat

boleh menuntut semula barang rampasan dalam tempoh sebulan namun perlu menjelaskan tunggakan terdahulu.

“Wakil syarikat memang ada menghubungi MPS selepas menerima notis namun sehingga kini tidak ada pembayaran dibuat, maka tindakan tegas perlu diambil,” katanya lagi

Operasi diketuai Juru Ukur Bahan MPS, Zanariah Md Zain itu juga mendapat kerjasama daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pemilik bangunan Selayang Mall, Wisma Nadi dan Bangunan Lee.

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor?

Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera di bawah.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Tel : 03-4296 8000;
Hotline : 1 -800-22-8100
Laman Web: www.mpaj.gov.my

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Tel : 03-6064 1331
SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888
Laman Web: www.mdhs.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

Kutipan Sampah
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy); Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)
Laman web: www.mpklang.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Tel: 03-3187 2825
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.
Laman web: www.mdkl.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

Tel: 03-3289 1439
Laman web: www.mdks.gov.my

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Tel: 03-3224 1655 / 1000
Laman web: www.mdsb.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06
Laman web: www.mps.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)

Tel: 03-8319 0200 / 0300
Laman web: www.mpsepang.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878
Website: www.mbsa.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545
Laman web: www.mpsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) / 03-7956 3544 (am)
SMS: Taip "MBPJ ADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213
Laman web: www.mbpj.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

Tel: 87377899
Hotline: 1-800-88-6755
Emel: aduan@mpkj.gov.my
Laman Web: www.mpkj.gov.my



PKNS meraikan anak-anak rumah kebajikan



Kanak-kanak Good Samaritan Home, gembira menunjukkan ang pau yang mereka terima



Ishak, menyerahkan cek sumbangan PKNS kepada Albert Ong

OLEH AFEEQA AFEERA

KLANG - Seramai 32 orang kanak-kanak dan remaja dari Good Samaritan Home, menerima kunjungan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sempena sambutan Tahun Baru Cina, baru-baru ini.

Pengurus Perhubungan Awamnya, Ishak Hashim, berkata kunjungan itu bertujuan menggemblakan penghuni rumah kebajikan berkenaan yang kebanyakannya hidup tanpa kasih sayang daripada ibu bapa sejak kecil.

"Melalui program ini, kita harap nilai murni seperti keprihatinan dan kesyukuran da-

pat dipupuk di kalangan warga kerja PKNS serta masyarakat dengan penghuni rumah ini," katanya.

Beliau berkata usaha itu antara siri program komuniti tahunan Jalanan Kasih PKNS yang menjejaki daerah-daerah di Selangor bagi menghulurkan bantuan.

Selain pemberian angpau, PKNS turut menyumbang RM5000 bagi membantu operasi pusat jagaan berkenaan yang menempatkan 16 penghuni lelaki dan 16 perempuan.

Sementara itu, Pengurusnya, Albert Ong melahirkan rasa terharu atas keprihatinan PKNS dalam menghulurkan bantuan bagi kemudahan kanak-kanak di pusat jagaan berkenaan.

"Mereka sangat gembira kerana ada pihak yang tampil menghulurkan sumbangan supaya dapat menyambut perayaan dengan lebih ceria. Terima kasih PKNS," katanya.

Good Samaritan Home ditubuhkan pada Januari 1999 dan diuruskan pasangan suami isteri, Albert Ong dan Y M Ong yang beroperasi sebagai pusat jagaan selain memberi perlindungan, penjagaan dan pendidikan kepada kanak-kanak berumur daripada dua hingga 18 tahun.

“

Mereka sangat gembira kerana ada pihak yang tampil menghulurkan sumbangan supaya dapat menyambut perayaan dengan lebih ceria. Terima kasih PKNS

ALBERT ONG
Pengurus
Good Samaritan Home



KENYATAAN TENDER JABATAN KERJA RAYA SELANGOR

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)**	Taraf/Jenis Syarikat *	Syarat Pendaftaran	Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
JKR Caw. Kejuruteraan Mekanikal Negeri Selangor.	Kerja-Kerja Membekal, Memasang, Menguji Serta Menguji terima Sistem Penyejukan Udara Untuk Cadangan Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pejabat JKR Gombak, Selangor Darul Ehsan. <i>No. Tender: JKR/SEL(N)/001(T)/2014</i> <i>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor</i>	Bumiputera T1	Berdaftar dengan LPIPM (CIDB) Gred : G3 dan G4 sahaja. Kategori : ME Pengkhususan: M01	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Selangor Shah Alam. Pada 06/02/2014 (Khamis) hingga 19/02/2014(Rabu) Waktu Urusniaga Isnin-Khamis 8.00-12.00(ghari 2.00ptg-4.00ptg Jumaat: 8.00pg-11.00 pg 2.45ptg- 4.00ptg	RM 170.00 (Bank Deraf/ WangPos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada 27/02/2014 (Khamis) Sebelum/Pada Jam 12.00 tgh. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat di Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor bermula 06/02/2014.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN ATAU KAD PERAKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN dan SIJIL PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR / KEMENTERIAN KEWANGAN dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera. Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat didalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Bank Draf/Wang Pos/Kiriman Wang Pos sahaja.*

*Jenis Syarikat Tempatan

T1 - Syarikat 100% milik tempatan

A1 - Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurus dan pekerja adalah 100% warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

**Pembiayaan

(i) Pinjaman Bank Dunia

Tender adalah juga dibuka kepada pentender-petender yang berminat daripada negara-negara Bank Dunia dan Taiwan China

(ii) Bank Pembangunan Asia

Tender adalah terbuka kepada pentender-petender yang berminat daripada negara-negara anggota Bank Pembangunan Asia

MB: Saya pilih Anwar demi rakyat Selangor

KAJANG - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan sepanjang masa beliau menguruskan politik dan ekonomi negeri Selangor.

Bercakap pada majlis pelancaran jentera PR DUN Kajang baru-baru ini, Abdul Khalid berkata, Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipilih untuk menyertai Dewan Negeri Selangor (DNS) juga dibuat atas dasar peduli kepada keperluan rakyat Selangor.

"Kita mahu tunjukkan dalam apa pun yang kita akan lakukan, rakyat sentiasa diberi keistimewaan. Dalam mencari siapa yang bersedia mempertahankan kepen-

tingan rakyat, sudah tentulah orangnya ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim," tegas beliau, disambut tepukan gemuruh 350 yang hadir di Dewan Orang Ramai Taman Mesra.

Menceritakan pengalamannya bekerja bersama mantan Timbalan Perdana Menteri itu, Abdul Khalid, berkata Anwar memberi perhatian khusus kepada pelaksanaan dan kejayaan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

"Program MES sentiasa di hati beliau. Kita sentiasa bincang mengenai air percuma, mengenai Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas), mengenai Skim Mesra Usia Emas (SMUE), berapa lagi duit yang

boleh kita jimat, supaya orang Selangor tidak berasa malu dengan kerajaan pimpinan Pakatan Rakyat (PR) ini," katanya.

Di penghujung ucapannya, Abdul Khalid melahirkan rasa teruja dengan peluang ini, dan berharap warga Kajang memberi sokongan untuk memenangi Anwar Ibrahim.

"Saya ingin tunjukkan bukan BN yang boleh kemudi negara ini. Kita mahu bentuk pasukan baru untuk buktikan Malaysia akan terus maju di bawah PR," katanya.

Abdul Khalid dilantik Pengarah Jentera PKR

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dilantik sebagai Pengarah Pilihan Raya Kecil (PRK) di DUN Kajang, manakala Ketua Wanita PKR, Zuraida Kamaruddin sebagai timbalannya bagi parti itu.

Sementara itu, Pengarah Jawatankuasa Pilihan Raya Negeri, Borhan Aman Shah dilantik sebagai Pengarah Operasi Pilihan Raya.

Pelantikan itu disahkan Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution dalam satu kenyataan sebagai persediaan menghadapi PRK DUN Kajang yang akan berlangsung 23 Mac depan.

"Insha-Allah dengan ini jentera pilihan raya PKR akan dapat bergerak dengan berkesan demi membawa kemenangan kepada parti, Pakatan Rakyat (PR) dan rakyat Malaysia," katanya.

INFOGRAFIK PILIHAN RAYA KECIL KAJANG

LOKALITI

• Taman Kota Cheras	3661	• Sungai Chua Lima	1830
• Sungai Sekamat	4712	• Taman Delima	1690
• Saujana Impian	2018	• Kantan Permai	3310
• Taman Mesra	1289	• Bandar Kajang	1222
• Sungai Kantan	2488	• Batu 10 Cheras	1575
• Taman Kajang Baharu	4476		
• Kajang	2181		
• Sungai Chua Satu	4737		
• Sungai Chua Dua	2600		
• Sungai Chua Tiga	684		
• Sungai Chua Empat	805		

JUMLAH KESELURUHAN PENGUNDI
39,278


KEPUTUSAN PRU13

Lee Chin Cheh	PKR	19,571
Lee Ban Seng	BN	12,747
Mohamad Ismail	Berjasa	1,014
Mohd Khalid Kassim	Bebas	83
Ong Yan Foo	Bebas	85
Mohd Iwan Jefry	Bebas	249
Abd Majid		

Pemilih berdaftar : 38,965
Peratus Pengundian : 88.40%
MAJORITI 6,824

PECAHAN KAUM

Dikemaskini
26 Januari
2014



N25

PRK Kajang peluang pengundi hukum BN

KUALA LUMPUR - Mantan Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menegaskan Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang adalah peluang kepada rakyat Malaysia untuk menghukum Barisan Nasional (BN) yang gagal menunaikan janji pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu.

Memetik laporan Keadilan Daily, beliau berkata, pengundi Kajang mewakili sentimen seluruh rakyat Malaysia yang

berang terhadap kenaikan harga barang dan perkhidmatan ekoran kegagalan pengurusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Tapi, Umno-BN jangan fikir bahawa rakyat lupa. Dengan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup yang meningkat, sudah tentu BN akan menghadapi ujian besar.

Beliau berkata, PRK Kajang tidak harus digunakan BN untuk menjatuhkan

pihak lawan dengan pelbagai serangan peribadi tetapi menjadi medan membahaskan isu-isu berkepentingan rakyat.

"PRK Kajang bukannya isu peribadi. Sebab itu saya pesan kepada BN, jangan cuba jadikan PRK Kajang sebagai tempat menyerang isu peribadi.

"Isu peribadi sudah tidak laku. Tidak payah bawa isu remeh temeh kerana yang penting adalah masa depan rakyat dan negara," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR

7 - 14 FEBRUARI 2014
7 - 14 RABIULAKHIR 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang,
Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Jumaat	6:00	6:10	7:29	1:30	4:51	7:28	8:40
08 Sabtu	6:00	6:10	7:29	1:30	4:50	7:29	8:40
09 Ahad	6:00	6:10	7:29	1:30	4:50	7:29	8:40
10 Isnin	6:00	6:10	7:29	1:30	4:50	7:29	8:40
11 Selasa	6:00	6:10	7:29	1:30	4:50	7:29	8:40
12 Rabu	6:00	6:10	7:28	1:30	4:50	7:29	8:40
13 Khamis	6:00	6:10	7:28	1:30	4:50	7:29	8:40
14 Jumaat	6:00	6:10	7:28	1:30	4:49	7:29	8:40

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Jumaat	6:02	6:12	7:31	1:32	4:53	7:30	8:42
08 Sabtu	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
09 Ahad	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
10 Isnin	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
11 Selasa	6:02	6:12	7:31	1:32	4:52	7:31	8:42
12 Rabu	6:02	6:12	7:30	1:32	4:52	7:31	8:42
13 Khamis	6:02	6:12	7:30	1:32	4:52	7:31	8:42
14 Jumaat	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:42



SEMANGAT...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bersalaman dengan Calon PRK DUN Kajang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sambil ditemani Exco Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi dan penyokong 'Red Giant' sewaktu Program Ramah Mesra Bersama Penyokong Bola Sepak Selangor di kediaman rasmi Menteri Besar, di Seksyen 7, Shah Alam
BERITA LANJUT MUKA 3



Peringatan Anwar kepada Kajang, PKR

'Kedekut' wang rakyat adalah kekuatan, bukan kelemahan

CALON Pakatan Rakyat (PR) bagi kerusi DUN Kajang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengingatkan warga Kajang dan ahli-ahli PKR bahawa serangan terhadap sifat cermat Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Bercakap di pelancaran jentera PR bagi PRK DUN Kajang baru-baru ini, Ketua Umum PKR itu menegaskan sifat 'kedekut' Abdul Khalid itu adalah satu pembaharuan yang sangat baik buat Selangor, berbeza daripada realiti di bawah pemerintahan BN.

"Kita bangga prestasi ekonomi Selangor di bawah Khalid kerana beliau seorang yang cermat. Kalau orang kata beliau kedekut, tetapi itu berlaku kerana membabitkan wang rakyat dan bukan satu kelemahan.

"Sejarah Selangor, pimpinan silih berganti tetapi prestasi ekonomi di bawah Abdul Khalid terbaik dalam sejarah negeri ini," katanya di hadapan kira-kira 350 penyokong yang hadir di Dewan Orang Ramai Taman Mesra.

Anwar menegaskan beliau akan mempertahankan keputusan yang di-buat Abdul Khalid, daripada serangan mereka yang mencemburui

kejayaan negeri Selangor.

"Ramai tanya jika Selangor diurus dengan baik, mengapa nak kacau jawatan Menteri Besar? Saya datang bukan nak kacau Abdul Khalid. Jika Allah takdirkan kita jadi Adun Kajang, kita terima baik dan kita akan bagi khidmat yang sebaik mungkin untuk Kajang," tegasnya.

Ucapan Anwar itu menyusuli ucapan pembukaan Abdul Khalid, selaku Pengarah Pilihan Raya PRK DUN Kajang.

Menteri Besar itu berkata, beliau menyedari kritikan-kritikan yang dilemparkan, namun berkata, selaku Menteri Besar beliau bertanggungjawab terhadap rakyat Selangor.

"Orang kata saya boleh mengira duit, tetapi bila orang minta duit yang banyak daripada saya, saya kata tidak ada duit. Anwar Ibrahim bukan jawapan (kepada masalah itu), kerana rakyat mahu kita bekerja keras untuk mengumpul kemewahan negeri untuk diagih kepada rakyat.

"Saya percaya tanggungjawab saya ialah menunjukkan reformasi kita berhasil," tegas Menteri Besar.

PRK Kajang 23 Mac

SHAH ALAM - Pilihan Raya Kecil (PRK) kerusi DUN Kajang akan diadakan pada 23 Mac dan penamaan calon ditetapkan pada 11 Mac. Ini bermakna semua calon yang bakal menyertai pilihan raya itu nanti akan berkempen selama 12 hari untuk meraih kepercayaan warga Kajang.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof membuat pengumuman itu pada 5 Februari lepas selepas mesyuarat khas di Putrajaya, bagi membincangkan kekosongan kerusi DUN itu.

DUN Kajang dikosongkan secara mengejut dengan perletakan jawatan Adun Lee Chin Cheh, 27 Januari lepas.

Pada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) Mei tahun lepas, Chin Cheh memenangi kerusi itu dengan majoriti 6,824 undi dalam pertembungan enam penjuror melibatkan BN, Berjasa dan tiga calon bebas.

PRK ini merupakan yang ketiga sejak PRU-13 selepas PRK DUN Kuala Besut, Terengganu dan DUN Sungai Limau di Kedah.

PR mengumumkan Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon mereka, manakala BN masih belum membuat keputusan.